

BERITA HARIAN

DATE: 11 / 3 / 2008

BN tubuh badan bebas bedah siasat prestasi

Analisis menyeluruh untuk dapat maklumat keputusan: Abdullah

Oleh Azman Zakaria, Saufi Hamzah, Jalal Ali Abdul Rahim, Nazura Ngah dan Fatin Hafizah Mohd Shahar

KUALA LUMPUR: Barisan Nasional (BN) menubuhkan badan bebas untuk membuat bedah siasat bagi menilai dan menganalisis prestasi parti dalam Pilihan Raya Umum Ke-12.

Pengerusinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata bedah siasat itu membolehkan BN mengetahui dan mendapat maklumat lanjut yang lebih mendalam berhubung pencapaian dan keputusan yang dicapai oleh BN.

"Menerusi bedah siasat yang dijalankan badan bebas itu nanti, kita dapat satu analisis yang objektif," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno dan mesyuarat Dewan Tertinggi BN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, petang semalam.

Hadir sama Timbalan Pengerusi BN, Datuk Seri Najib Razak; Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad dan pemimpin tertinggi parti komponen termasuk Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting; Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu; Pemangku Presiden Gerakan, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP), Datuk M Kayveas.

Ditanya sama ada menantunya, Khairy Jamaluddin adalah faktor kegagalan BN mempertahankan prestasi majoriti dua pertiga, Perdana Menteri berkata, Khairy tidak mempengaruhi beliau.

"Dia Naib Ketua Pemuda Umno... dia ada idea dalam banyak perkara. Apa yang dia buat ialah apa yang dia tahu dan ada yang mungkin kebetulan sama dengan dasar kerajaan. Dia cakap mengenai dasar sama dibuat oleh kerajaan dan menghebahkannya dan itu adalah keunikan sebagai ahli parti untuk faham dasar kerajaan dan cakap kepada orang ramai.

“Dia Naib Ketua Pemuda Umno... dia ada idea dalam banyak perkara. Apa yang dia buat ialah apa yang dia tahu dan ada yang mungkin kebetulan sama dengan dasar kerajaan...”

Abdullah Ahmad Badawi
Pengerusi BN

"Sesiapa saja boleh beri pandangan dan idea. Khairy seperti orang lain, buat secara terbuka dan tidak terkecuali seperti yang disiarkan dalam akhbar... dia boleh buat begitu," katanya.

Mengenai pelantikan Kabinet baru, Abdullah yang juga Presiden Umno berkata, perkara itu tidak dibincangkan pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN.

"Saya baru saja angkat sumpah... anda akan lihat nanti apabila saya umum senarai Kabinet baru. Saya akan buat penilaian dan pastikan Kabinet baru akan mencerminkan keyakinan orang ramai.

"Kita adalah kerajaan BN, kita saling cakap antara satu sama lain, saya tak cakap untuk orang Melayu saja, saya Perdana Menteri untuk semua kaum. Kerajaan BN adalah untuk rakyat Malaysia, bukan eksklusif untuk orang tertentu, kita juga cakap untuk golongan minoriti," katanya.

Berhubung kejatuhan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) ke paras terendah dalam tempoh enam bulan, Perdana Menteri berkata, kerajaan BN adalah kerajaan yang kuat dan akan berusaha untuk memastikan ekonomi terus berkembang dan memperkukuhkan kewangan negara.

Semalam, penanda aras KLCI ditutup pada 1,173.22, turun 123.11 mata atau 9.50 peratus dalam dagangan

yang menyaksikan pemberhentian dagangan secara automatik menerusi "Circuit Breaker" pada jam 2.58 petang

Katanya, tindakan yang diambil sebelum ini untuk meningkatkan prestasi ekonomi menunjukkan kejayaan dan jika perlu membuat perubahan, kerajaan akan memastikan ia memberi keyakinan kepada pertumbuhan ekonomi.

Selain itu, Abdullah berkata, pengagihan yang saksama berasaskan kepada ekonomi yang terus berkembang dilaksanakan tanpa merampas daripada mana-mana pihak untuk diberi kepada pihak lain.

"Atas sebab itulah pembangunan kita terus berkembang dan pertumbuhan ekonomi terus meningkat," katanya.

Mengenai dakwaan lima negeri yang dimenangi pembangkang akan menghapuskan Dasar Ekonomi Baru (DEB), beliau berkata, ia sudah tamat pada 1991 dan selepas itu diwujudkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN) yang kemudian memutuskan banyak dasar untuk dilaksanakan, termasuk membasmi kemiskinan.

Beliau juga berkata, kerajaan maklum mengenai beberapa isu penting yang ditimbulkan ketika kempen pilihan raya seperti kenaikan harga barang, kadar jenayah serta rasuah dan akan memberi perhatian terhadapnya.